

BAB EMPAT

LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan secara ringkas latar belakang tempat kajian iaitu Universiti Malaya dan keputusan kajian yang diperolehi hasil daripada borang soal selidik ke atas pensyarah Universiti Malaya.

4.1 Sejarah Ringkas Universiti Malaya

Universiti Malaya (UM) merupakan, universiti awam pertama di negara ini berkeluasan 750 ekar (309 Hektar) terletak di barat daya Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia.¹ Kolej Perubatan King Edwards VII yang ditubuhkan pada tahun 1905 dan Kolej Raffles yang ditubuhkan pada tahun 1929 dibangunkan sebelum penubuhan UM untuk memenuhi keperluan mendesak ketika waktu itu iaitu dalam bidang perubatan dan bidang pendidikan. Apabila kedua-dua institusi pengajian ini bergabung menjadi satu entiti yang membentuk Universiti Malaya pada bulan Oktober 1949, percantuman ini memberikan ruang yang besar supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan pendidikan yang lebih besar bagi membantu menyediakan asas kepada sebuah negara baru yang memiliki rakyat yang berkemahiran dan berpendidikan. Hasilnya, UM ditubuhkan pada 8 Oktober 1949 sebagai sebuah

¹ Latar Belakang Universiti Malaya <http://www.um.gov.my>, 25 Mac 2003.

institusi pendidikan negara yang akan memenuhi keperluan pendidikan tinggi di Persekutuan Malaya dan Singapura.

Perkembangan Universiti di sepanjang dekad pertamanya sangatlah pesat dan ini membawa kepada pengwujudan dua bahagian Universiti berautonomi sendiri. Maka pada tahun 1959, terbina sebuah Universiti di Singapura dan sebuah lagi di Kuala Lumpur. Pada tahun 1960, apabila Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan hasratnya untuk menjadikan Universiti Malaya Kuala Lumpur sebagai Universiti Nasional Persekutuan. Sebaliknya Kerajaan Singapura juga menyatakan hasratnya untuk menjadikan Universiti Malaya Singapura sebagai Universiti Nasional Singapura. Undang-undang yang diperlukan diluluskan pada Oktober 1961 di Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dan pada Disember 1961 di Dewan Undangan Singapura. Undang-undang ini dikuatkuasakan pada 1 Januari 1962 dan dengan ini, tertegaklah Universiti Nasional Tanah Melayu.

Pada 6 April 1972, Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang meletakkan Universiti Malaya dan universiti-universiti lain di Negara ini di bawah peruntukan akta tersebut. Satu perlembagaan baru telah juga dikuatkuasakan bagi universiti ini.

Pembangunan universiti ini amat pesat sejak tahun 1958. Bilangan pelajar telah bertambah daripada 320 orang pada Januari 1959 kepada 1010 orang pada Disember 1961 dan terus bertambah hingga 3603 orang pada tahun 1966, 4560 orang (1967), 5566 orang 1968 , 6672 orang 1969, 7777 orang 1970, 8545 orang 1971,

7313 orang 1975, 6915 orang 1980, 8338 orang 1985, 8991 orang 1990, 9418 orang 1991, 9663 orang 1992, 10936 orang 1993, 11,185 orang 1994, 11,660 orang 1995, 13,049 orang 1996, 15,462 orang 1997, 17327 orang 1998, 16,532 pada tahun 1999, dan 20,067 pada tahun 2000, dan 21,732 orang pada tahun 2001. Pada sesi 2002/2003 jumlah keseluruhan pelajar ijazah pertama ialah 20,467 orang. Manakala bilangan pelajar ijazah tinggi ialah sebanyak 6,750 orang, 112 orang pelajar program Sarjana Muda PJJ dan 844 orang pelajar Matrikulasi PASUM.

Pada tahun 2002, Universiti Malaya mempunyai dua buah akademi, iaitu Akademi Pengajian Islam dan Akademi Pengajian Melayu, dua buah Institut dan dua belas fakulti. Selain itu Universiti ini juga mempunyai empat pusat, iaitu Pusat Kebudayaan yang ditubuhkan dalam tahun 1974, Pusat Asasi Sains (1977), Pusat Sukan (1986), dan sebuah Pusat Perubatan (asalnya Hospital Universiti) yang telah dibina pada tahun 1966. Selain itu, Universiti Malaya juga menawarkan program akademik yang meluas dan program ijazah profesional dengan menyediakan kemudahan pengajaran dan kajian yang terbaik, termasuk juga kemudahan perpustakaan.

Hari ini, terdapat lebih kurang 2,500 kakitangan pentadbiran, 2,000 kakitangan sepenuh masa di fakulti-fakulti dan 1,494 tenaga pengajar. 237 daripadanya terdiri daripada profesor, 430 Profesor Madya dan 827 daripadanya terdiri daripada pensyarah.

Moto Universiti Malaya ialah "ILMU PUNCA KEMAJUAN" (*Knowledge is the key to success*) melambangkan falsafah universiti yang konsisten untuk menyebarkan ilmu pengetahuan di dalam pelbagai disiplin dan bidang ilmu untuk menghasilkan graduan yang bermutu tinggi dan Negara yang berjaya. Berikut adalah senarai akademi, fakulti-fakulti, pusat-pusat dan institusi-institusi di Universiti Malaya. Terdapat dua akademi iaitu Akademi Pengajian Islam (Pengajian Syariah dan pengajian Usuluddin) dan Akademi Pengajian melayu. Universiti Malaya juga terdapat dua belas fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,. Fakulti Sains, Fakulti Perubatan, Fakulti Pendidikan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Fakulti Pergigian, Fakulti Undang-undang, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan dan Fakulti Alam Bina.

Di samping itu Universiti Malaya terdapat empat pusat iaitu, Pusat Kebudayaan, Pusat Asasi Sains, Pusat Sukan, Pusat Perubatan dan lima institusi iaitu, Institut Pengajian Siswazah, Institut Pengurusan Penyelidikan & Perundingan, Institut Pengajian Cina, Institut Biologi dan INPUMA.

4.1.1 Kolej-kolej Kediaman Pelajar

Universiti Malaya telah menyediakan 14 kolej dan sebuah asrama bagi penginapan pelajar. Setiap kolej terdapat seorang pengetua, bendahari, setiausaha dan penyelia kolej. Mereka ini dilantik dan ditugaskan bagi memudahkan pengurusan kolej dan kebajikan pelajar di kolej tersebut. Pada umumnya, semua pelajar baru

hendaklah tinggal di kolej kediaman universiti melainkan mereka mendapat pengecualian daripada Naib Canselor. Pelajar yang menghuni di kolej kediaman Universiti adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Universiti. Nama-nama kolej adalah seperti Kolej Kediaman Tuanku Abdul Rahman (Pertama), Kolej Kediaman Menara Budi (Kedua), Kolej Kediaman Tunku Kurshiah (Ketiga), Kolej Kediaman Bestari (Keempat), Kolej Kediaman Tunku Dayasari (Kelima), Kolej Kediaman Tunku Ibnu Sina (Keenam), Kolej Kediaman Za,ba (Ketujuh), Kolej Kediaman Kinabalu (Kelapan), Kolej Kediaman Tun Syed Zahiruddin (Kesembilan), Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi (Kesepuluh), Kolej Kediaman Kesebelas, Kolej Kediaman Keduabelas, Kolej Kediaman Seksyen 17, Kolej Kediaman YPM, Asrama Wisma Koperasi Polis, Brickfields.

4.1.2 Kemudahan-kemudahan yang disediakan

Universiti Malaya telah menyediakan pelbagai kemudahan. Antaranya kemudahan perpustakaan yang telah menyediakan pelbagai buku untuk pelajar-pelajar membuat rujukan dengan menggunakan sistem elektronik yang canggih. Malah Universiti Malaya juga menyediakan kemudahan pengajaran dan kajian yang terbaik. Selain itu, terdapat juga Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar yang ditadbirkan oleh Doktor Kesihatan Pelajar bagi memudahkan pelajar-pelajar mendapat pemeriksaan doktor.

4.2 Misi Korporat Universiti Malaya

Universiti Malaya berhasrat untuk menjadi sebuah universiti perdana menuju kecemerlangan dalam memaju dan menyebarkan ilmu pengetahuan serta menjunjung hasrat dan kemuliaan cita-cita rakyat dan Negara.²

4.3 Objektif Universiti Malaya

Antara objektif Universiti Malaya ialah, untuk berada di barisan hadapan ilmu pengetahuan, untuk menghasilkan graduan bermutu tinggi, untuk membangunkan satu angkatan ilmunan yang cemerlang secara berterusan, menyumbang terhadap pembangunan Negara dan kesejahteraan rakyat, untuk memajukan nilai-nilai kemanusiaan sejagat, dan untuk membangunkan pengurusan yang cekap, inovatif dan beriltizam.

² Sumber Manusia , Universiti Malaya, Tarikh 29.4.2004 .